

44 pelajar sekolah berasrama penuh positif virus

Proses pengajaran dan pembelajaran bersemuka ditangguhkan bermula semalam hingga 25 Januari

Oleh Hidayatidayu Razali
bhnews@nstp.com.my

Kota Bharu: Seramai 44 pelajar sebuah sekolah berasrama penuh di Jalan Telipot di sini di kesan positif COVID-19 hingga kelmarin dan seramai 256 kontak rapat sudah dikenal pasti.

Pengarah Kesihatan Kelantan, Datuk Dr Zaini Hussin, berkata kluster yang membabitkan pelajar asrama sekolah itu diisytiharkan pada Jumaat lalu, sebagai



Kakitangan KKM menjalankan ujian saringan COVID-19 kepada pelajar sebuah sekolah berasrama penuh di Jalan Telipot, semalam.

(Foto ihsan pembaca)

TERKINI
COVID-19

18 Januari 2022

KES BAHARU

3,245

KES POSITIF

2,813,934

KES ICU **KES KEMATIAN**

184*

16*

JUMLAH KEMATIAN

31,809*

PERATUSAN VAKSINASI LENGKAP (DEWASA):

97.8 %*

PERATUSAN VAKSINASI LENGKAP (REMAJA):

88.2 %*

* Data setakat jam 11.59 malam 17 Januari 2022

Kes jangkitan harian kembali lepasi 3,000

Kuala Lumpur: Sebanyak 3,245 kes jangkitan positif baharu COVID-19 direkodkan setakat jam 12 tengah hari semalam, meningkat berbanding 2,342 kes dilaporkan kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata peningkatan kes itu menjadikan hingga kini sebanyak 2,813,934 individu sudah dijangkiti virus berkenaan.

Selain itu, Kementerian Kesihatan (KKM) melaporkan 18 kes kematian akibat COVID-19

di Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya mencatatkan sifar kes kematian.

Hingga tengah malam kelmarin, laman sesawang COVIDNOW menunjukkan pengurangan sebanyak 581 kes aktif.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes aktif terkini sebanyak 40,618.

Kadar penggunaan katil di unit rawatan rapi (ICU) direkodkan adalah sebanyak 54.8 peratus dengan 20.5 peratus atau sebanyak 184 katil mem-

Kluster Embi Telipot.

“Semua kontak rapat ini diarah untuk menjalani kuarantin. Mereka juga dinasihatkan supaya menjalani saringan sekiranya mengalami gejala dalam tempoh itu,” katanya di sini, semalam.

Dr Zaini berkata, Pejabat Kesihatan Daerah Kota Bharu juga mencadangkan supaya proses pengajaran dan pembelajaran bermula sekolah itu ditangguhkan bermula semalam hingga 25 Januari ini.

Mengulas berhubung dakwaan tular yang mendakwa kes COVID-19 itu berpunca daripada seorang pelajar di mana ibu bapanya baru pulang menunaikan umrah dan disahkan dijangkiti varian Omicron, Dr Zaini berkata, dakwaan itu tidak benar

kerana belum ada keputusan varian Omicron bagi sampel ibu bapa pelajar berkenaan.

“Namun, pihak kita masih menjalankan siasatan lanjut untuk mengetahui punca kes di sekolah itu. Kita sahkan, ada kluster COVID-19 di sekolah berkenaan yang membabitkan pelajar asrama,” katanya.

Sementara itu, tinjauan mendapati Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Naim Lilbanat di Jalan Telipot ditutup bermula semalam susulan 44 pelajarinya dikesan positif COVID-19. Bagaimanapun, beberapa guru dan pengurusan sekolah masih hadir menjalankan tugas. Begitu juga pelajar yang dikuarantin dibenarkan tinggal di asrama.

Sumber Jabatan Pendidikan

Negeri Kelantan berkata, semua pelajar sekolah berkenaan kini menjalani sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) hingga 25 Januari ini.

Katanya, ada pelajar yang masih tinggal di asrama dan menjalani kuarantin di lokasi itu kerana menjadi kontak rapat kepada kes positif. Mereka akan terus menjalani kuarantin di asrama hingga habis tempoh untuk mengelakkan jangkitan COVID-19 kepada orang lain.

“Pelajar yang positif berusia antara 13 hingga 18 tahun kini menjalani kuarantin di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) di Pusat Tarbiah Islamiah Kelantan (Putik), Pengkalan Chepa,” katanya.

hingga tengah malam kelmarin, dengan dua daripadanya membabitkan kematian di luar kemudahan kesihatan (BID).

Berdasarkan laman sesawang github kendalian KKM, kes kematian itu direkodkan di tujuh negeri dengan Selangor mencatatkan angka tertinggi iaitu enam kes, termasuk satu kes BID.

Ia diikuti Terengganu dengan tiga kematian dan satu BID, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang masing-masing merekodkan dua kes kematian serta satu di Johor, Kedah, Kelantan dan Sabah.

Dalam pada itu, Melaka, Pahang, Perak, Perlis, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Kuala

babitkan pesakit COVID-19.

Sementara pesakit COVID-19 yang dimasukkan ke hospital hingga tengah malam tadi, adalah seramai 852 orang atau mewakili 27.6 peratus daripada keseluruhan 62.4 peratus kadar penggunaan katil.

Selain itu, seramai 87 pesakit COVID-19 memerlukan alat bantuan pernafasan dengan kadar penggunaan keseluruhan sebanyak 33.7 peratus termasuk bukan kes COVID-19.

COVIDNOW turut melaporkan, 33 peratus pesakit COVID-19 kini ditempatkan di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) untuk pemantauan lanjut.

6 negeri catat Rt lebih tinggi berbanding kadar kebangsaan

Kuala Lumpur: Enam negeri mencatat kadar kebolehsangkitan atau R-naught (Rt) lebih tinggi daripada kadar kebangsaan yang turun kepada 0.98 kelmarin berbanding 1.00 sebelumnya.

Berdasarkan data dikongsikan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menerusi Twitter semalam, Kuala Lumpur mencatatkan Rt tertinggi iaitu 1.06, diikuti Negeri Sembilan (1.05), Melaka dan Sabah masing-masing 1.04, Selangor 1.00 dan Johor (0.99).

Kedah pula mencatatkan Rt 0.97, disusuli Pulau Pinang dan Pahang masing-masing 0.95, Perak (0.94), Kelantan (0.90) dan Terengganu (0.78).

Berdasarkan Model Pembentukan Risiko, Pendedahan dan Jangkitan (SEIR) Unjuran dan Pemerhatian Kes Harian COVID-19 yang dikongsi Dr Noor Hisham, menunjukkan kes jangkitan harian menurun secara mendatar berbanding tempoh sebelum lalu.

Bilangan kes pada 17 Disember

lalu adalah sebanyak 4,363 kes dengan Rt 0.91 dan hingga kelmarin ia merekodkan 2,362 dengan Rt 0.98.

Ia sekali gus menunjukkan penurunan berterusan hingga 29 Disember dan selepas itu berlaku sedikit kenaikan dan penurunan secara mendatar hingga 4 Januari, sebelum kembali turun mendatar hingga kelmarin.

Ketika ini, Malaysia mencatatkan jumlah kumulatif kes COVID-19 2,810,689 kes sejak pandemik ini bermula awal 2020.



Kakitangan Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Utara mengambil sampel ujian saringan COVID-19 di Pusat Penilaian COVID-19 di Sungai Dua, Tasek Gelugor. (Foto Dania Saad/BH)